

Perspektif Pelajar terhadap Budaya Bekerja Sendiri  
(*Students' Perspectives on Self-Employed Culture*)

NURUL AIDA MAINOR & LAI WEI SIENG\*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Bangi terhadap budaya bekerja sendiri. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar yang telah mempunyai pekerjaan sendiri atau individu yang berminat untuk memulakan pekerjaan sendiri yang terdiri daripada pelajar dari pelbagai fakulti di kampus Bangi bagi menjawab borang soal selidik. Data yang diperolehi melalui soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan SPSS. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memilih untuk melakukan pekerjaan sendiri berbanding bekerja dengan majikan atau makan gaji. Bagi mereka yang telah melakukan pekerjaan tersebut, individu terbabit akan tetap memilih untuk meneruskan bidang pekerjaan itu. Manakala, bagi pelajar yang baru sahaja ingin melibatkan diri dalam pekerjaan sendiri ini yang tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman berkaitan pekerjaan yang bekerja sendiri, mereka lebih berminat untuk melakukan pekerjaan itu. Pekerjaan sendiri ini sering dikaitkan dengan bidang keusahawanan. Penemuan kajian ini memberikan peluang kepada pelajar untuk mempunyai atau melibatkan diri dalam bidang keusahawanan serta dapat membawa perubahan kepada diri mereka untuk lebih menceburi bidang pekerjaan sendiri.

Kata Kunci: bekerja sendiri, keusahawanan

ABSTRACT

*The purpose of this study is to find out the view students of the National University of Malaysia (UKM) Campus Bangi on self-employed culture. This study was conducted using a quantitative approach. The study sample consisting of 150 students who had their own work or individuals interested in starting their own work consisting of students from various faculties at the Campus Bangi to answer the questionnaire. The data obtained through the questionnaire will be analyzed using SPSS. The results show that most students prefer to work on their own rather than working with their employer or eating a salary. For those who have done the job, the individuals involved will still choose to continue their work. Whereas, for those students who just want to venture out with no knowledge or work-related jobs on their own, they are more interested in doing the job. Self-employment is often associated with entrepreneurship. The findings of this study provide opportunities for students to have or participate in entrepreneurial pursuits and can bring about change in themselves to become more involved in their own field of work.*

*Keywords: self-employed, entrepreneurship*

## PENGENALAN

Bekerja sendiri ini dilihat sebagai satu bentuk aktiviti pekerjaan dalam sektor informal. Ramai masyarakat yang memilih untuk bekerja sendiri kerana ingin memasuki bidang pekerjaan yang baru serta menjadi lebih berkeyakinan untuk berhadapan dengan orang ramai. Apabila seseorang itu telah terdedah untuk bekerja sendiri, mereka lebih cenderung untuk meneruskan pekerjaan tersebut sebagai pekerjaan tetap (Georgellis dan Wall, 2005). Individu yang bekerja sendiri berkemungkinan memilih untuk melakukan pekerjaan ini disebabkan oleh perubahan struktur seperti penurunan kerja dalam sektor perindustrian dan perkembangan bagi sektor perkhidmatan. Penyertaan individu dalam pekerjaan baharu seperti bekerja sendiri berpotensi untuk bersaing dalam pasaran terutamanya mereka yang ingin membuat perniagaan yang baru sahaja ingin dikenali seiring dengan pertumbuhan teknologi. Berdasarkan kajian Blumbergg dan Pfann (2001), terdapat hubungan di antara individu yang bekerja sendiri dan keusahawanan atau menjalankan perniagaan. Manakala bentuk keusahawanan yang paling mudah adalah bekerja sendiri (Blanch flower, Oswald dan Stutzer, 2001). Keuntungan yang diperolehi melalui bekerja sendiri terutamanya dalam bidang keusahawanan akan memberikan pendedahan

kepada seseorang terhadap persekitaran keusahawanan serta keupayaan untuk melaksanakan pelbagai tugas (Lazear, 2005). Kerajaan juga memainkan peranan yang sangat penting kepada individu yang baru bermula untuk bekerja sendiri terutamanya kepada perniagaan secara kecil-kecilan. Dengan cara ini, ia dapat mengurangkan gejala kemiskinan dalam kalangan rakyat. Melalui bekerja sendiri ini juga, dapat membantu mempromosikan produk yang baru di pasaran serta mewujudkan pekerjaan yang baru buat masyarakat. Tetapi, pada masa kini ramai golongan muda lebih terdedah untuk bekerja sendiri berbanding bekerja makan gaji. Sebilangan besar daripada golongan muda ingin bekerja sendiri kerana mereka mempunyai pilihan untuk menetapkan jadual, bebas untuk membuat sebarang keputusan serta salah satu cara yang lebih cepat untuk menjadi kaya. Bekerja sendiri ini juga berkaitan dengan cara seseorang dalam membuat atau melaksanakan idea dan kaedah baru untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Individu ini akan mencipta pekerjaan sendiri dalam bentuk perniagaan, kontrak atau aktiviti bebas seperti usahawan atau pemilik perniagaan. Ia juga adalah satu keadaan di mana seseorang individu bekerja untuk dirinya sendiri berbanding bekerja dengan majikan yang akan membayar gaji atau upah.

JADUAL 1. Kadar Pekerjaan Sendiri oleh Pelajar di Universiti Mengikut Negara

Negara	Peratus (%)
Sub- Sahara Afrika	40
Asia Selatan	40
Amerika Latin dan Caribbean	15
Afrika Utara	13
Negara Arab	10
Utara, Selatan dan Barat Eropah	5
Amerika Utara	5

*Sumber:* World Employment Social Outlook 2018

Menurut laporan ‘world employment social outlook 2018’, peratusan yang tertinggi bagi pelajar universiti yang bekerja sendiri adalah di negara Sub-Sahara Afrika dan Asia Selatan dengan 40%. Manakala, negara yang mempunyai peratusan terendah bagi pelajar universiti yang bekerja sendiri adalah di negara

utara, selatan dan barat Eropah serta Amerika utara iaitu dengan 5%. Hampir 40% daripada keseluruhan pelajar universiti di dunia ini yang masih belajar telah bekerja sendiri seperti mempunyai perniagaan secara kecil-kecilan, usahawan produk atau perhidmatan dan pekerja bebas seperti kontraktor dan pembekal menurut

International Labour Organization (1990). Individu terutamanya pelajar yang masih pelajar membuat pilihan buat diri mereka untuk melaksanakan pekerjaan tersebut bagi membolehkan diri mereka untuk bersaing dengan orang lain.

Terdapat pelbagai punca yang menginginkan seseorang itu untuk bekerja sendiri berbanding bekerja dengan majikan adalah keinginan untuk melontarkan idea, kemahiran dan kepakaran, menjana aliran pendapatan yang lebih baik, tekanan yang diterima daripada keluarga atau rakan serta tidak mempunyai pilihan untuk memilih kerjaya. Bekerja sendiri mempunyai kelebihan dan kekurangan atau risiko yang akan dihadapi. Kelebihan yang diperolehi oleh individu apabila bekerja sendiri mempunyai kebebasan, berdikari dalam setiap perkara yang dilakukan, menjana pendapatan yang lebih banyak yang berkemungkinan menjadikan individu terbabit lebih kaya. Kebanyakan individu yang bekerja sendiri ini memberikan komitmen yang sepenuhnya serta tempoh masa yang agak lama untuk mencapai kejayaan dalam pekerjaan yang dilakukan. Oleh itu, perkara ini memberikan kejutan terbesar kepada kebanyakan individu yang membuat keputusan untuk bekerja sendiri. Menurut Scott dan Twomey (1988), satu daripada tiga individu sahaja yang telah berjaya dalam tempoh masa tiga tahun yang pertama selepas memulakan perniagaan. Menurut Kolveraid dan Moen (1996), niat bagi seseorang individu terhadap pekerjaan sendiri amat bergantung pada tingkah laku mereka. Kajian mendapati kebanyakan pengasas perniagaan yang baharu sahaja menceburi bidang keusahawanan mempunyai niat yang sangat kuat untuk memulakan pekerjaan tersebut. Walau bagaimanapun, seseorang itu amat perlu untuk mempertimbangkan pekerjaan sendiri kerana terdapat pelbagai risiko yang akan dihadapi jika pekerjaan tersebut gagal untuk dilaksanakan oleh diri mereka menurut Shapero dan Sokol (1982).

Walaupun bagaimanapun, pelajar di institusi pendidikan tinggi tidak terlalu didedahkan terhadap budaya bekerja sendiri. Mereka lebih berminat untuk bekerja makan gaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan, mengenal pasti punca dan kesan bekerja sendiri dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Secara amnya, kajian ini difokuskan kepada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), terutamanya kepada pelajar yang telah bekerja sendiri kerana mereka lebih berpengalaman terhadap pekerjaan sendiri. Oleh itu, ia akan memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian ini kerana maklumat yang diperolehi adalah secara terus. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar UKM yang bekerja sendiri atau mempunyai perniagaan. Pelajar

ini terdiri daripada individu yang menuntut di Kampus Bangi dari setiap fakulti. Hasil kajian ini sangat penting kepada pelajar bagi memudahkan pelajar yang telah menamatkan pengajian untuk membuat pilihan sama ada membuat pekerjaan sendiri atau bekerja dengan orang lain. Kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian utama di mana bahagian pertama adalah abstrak yang merangkumi kesemua penyelidikan yang dibuat tetapi telah dirumuskan secara ringkas di dalamnya. Bahagian kedua pula menyentuh bab pengenalan yang mana ia merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, signifikan objektif kajian dan organisasi kajian. Dalam bahagian ketiga iaitu kajian lepas yang membincangkan mengenai kajian yang berkaitan dengan kajian ini. Bahagian seterusnya akan diikuti dengan metodologi, hasil kajian, kesimpulan dan diakhiri dengan rujukan.

## KAJIAN LEPAS

Masyarakat yang memilih untuk bekerja sendiri berbanding makan gaji semakin meningkat terutamanya di negara perindustrian pada tahun 1990 (Fairlie & Meyer, 2000). Pelbagai faktor telah diteliti secara mendalam berhubung dengan bekerja sendiri terutamanya kepada individu yang mungkin tertarik untuk melakukan pekerjaan tersebut. Menurut Nadia dan Moreira (2013), hasil kajian mereka telah menghasilkan rangka kerja yang tertumpu kepada penentu seseorang yang cenderung untuk melakukan pekerjaan sendiri atau bekerja sendiri seperti ciri individu dan keperibadian, latar belakang keluarga, serta pertolongan untuk mendapatkan sumber kewangan. Pada pandangan ekonomi, bekerja sendiri dapat memberikan kepuasan terhadap utiliti seseorang. Semakin tinggi pekerjaan yang dilakukan, semakin besar kepuasan yang diterima. Kajian yang dilakukan oleh Evans dan Leighton (1989), membuktikan bahawa kepuasan bekerja sendiri adalah lebih tinggi berbanding kepuasan bekerja dengan majikan. Ini menyebabkan lebih ramai memilih untuk bekerja sendiri. Menurut Siti Hawa (2009), mereka yang lebih berpengalaman atau berumur berbanding mereka yang lebih muda cenderung untuk melakukan pekerjaan sendiri kerana bekerja sendiri ini adalah aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan berterusan, serta memerlukan komitmen yang tinggi untuk meneruskan pekerjaan tersebut.

Golongan muda telah banyak diberikan perhatian terhadap pekerjaan ini. Jadi, mereka tertarik untuk cuba menceburi pekerjaan tersebut di masa hadapan. Daripada pelbagai pekerjaan yang telah dilakukan oleh mereka, segelintir daripada golongan

muda mendapati bahawa bekerja sendiri ini sangat bersesuaian dengan diri mereka. Bekerja sendiri sering kali dikaitkan dengan bidang keusahawanan terutamanya buat golongan muda yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi. Pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai salah satu strategi Rancangan Jangka Panjang Ketiga untuk menggalakkan seluruh rakyat Malaysia melibatkan diri dalam bidang perniagaan supaya mencapai matlamat bagi mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera menjelang tahun 2020 (Unit Perancang Ekonomi, 2001). Pendidikan kokurikulum keusahawanan yang telah dilaksanakan kepada generasi muda di semua peringkat bermula daripada sekolah rendah sehingga Institut Pengajian Tinggi melalui Program Keusahawanan Siswa telah memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai ilmu keusahawanan serta memupuk semangat keusahawanan dalam diri pelajar untuk menjana pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung kepada ibu bapa (Dasuki Ahmad, 2009). Bekerja sendiri merupakan elemen yang semakin penting dalam pasaran buruh di dunia (Tatomir, 2015). Penglibatan generasi muda dalam bidang keusahawanan menambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan mampu menghakis budaya makan gaji dalam kalangan golongan muda (Nurfadhilah & Halimah, 2010).

Walau bagaimanapun, golongan muda ini mempunyai kelemahan untuk berhadapan dengan pekerjaan ini seperti kekurangan idea dan kemahiran yang menghalang mereka untuk melibatkan diri dalam pekerjaan ini (Fatoki dan Chindoga, 2011). Dalam kajian yang dilakukan oleh Treffen juga mendapati bahawa hanya satu per tiga pelajar sahaja yang menyatakan bahawa mereka berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Kajian yang telah dijalankan oleh Norisham (2008) di mana pelajar yang mahir dalam membina rancangan perniagaan, menilai peluang perniagaan, kebolehan menyesuaikan diri dan bekerja dalam kumpulan mendorong mereka untuk menceburi bidang tersebut. Dapatan kajian lalu menunjukkan bahawa golongan muda yang mempunyai kecenderungan menceburi bidang ini disebabkan oleh mereka boleh menjalankan pekerjaan dengan bebas berbanding dengan kerjaya yang lain. Menurut Norasmah dan Salmah (2009), kebebasan memberikan impak yang besar kepada golongan muda untuk memilih bekerja sendiri sebagai kerjaya pilihan. Hasil daripada kedua-dua kajian tersebut mendapati bahawa kebebasan menjalankan sesuatu pekerjaan itu merupakan rangsangan yang paling penting untuk seseorang pelajar menceburi bidang pekerjaan tersebut.

Daripada kajian Othman (2007), beliau

mendapati bahawa kumpulan sosial yang turut mempengaruhi pelajar untuk terbabit dalam pekerjaan tersebut. Menurut Turker dan Selcuk (2009), ketidakpastian dalam keadaan ekonomi, pengurangan tenaga kerja bagi syarikat swasta atau agensi kerajaan yang menurun telah menyebabkan pelajar memilih untuk bekerja sendiri kerana peluang terhadap pekerjaan ini lebih meluas serta dapat memberikan peluang pekerjaan terhadap individu yang lain. Peningkatan dalam pekerjaan ini mampu membina masa depan pelajar yang lebih terjamin apabila menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dilakukan oleh Autio et al (2001) beranggapan bahawa keutamaan dalam kerjaya oleh pelajar dipengaruhi oleh pemilihan kerjaya yang mampu mengubah nasib mereka serta membuka minda mereka terhadap cabaran yang bakal dihadapi di dunia luar menyebabkan pelajar memilih untuk melakukan pekerjaan tersebut. Kajian oleh Borjas dan Bronars (2012), mendapati bahawa individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi berbanding individu yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah lebih cenderung untuk memasuki alam pekerjaan yang bekerja sendiri disebabkan oleh kreativiti yang bakal dihasilkan oleh mereka dalam memulakan sesuatu kerja atau perniagaan. Ini kerana permulaan untuk mempunyai pekerjaan sendiri itu bergantung pada diri mereka bagi mengelakkan daripada berlakunya pengangguran yang terlampau ramai terutamanya setelah tamatnya pengajian.

Menurut Wang et. al. (2001), perbezaan jantina didapati sebagai faktor paling utama yang mempengaruhi seseorang untuk bekerja sendiri. Majoriti pelajar yang bekerja sendiri dan masih menuntut di institusi pengajian tinggi adalah golongan lelaki berbanding dengan golongan wanita. Laporan yang diterbitkan oleh Global Entrepreneurship Monitor atau GEM (2012), menunjukkan bahawa pada peringkat permulaan bekerja sendiri, golongan lelaki adalah paling ramai yang mendominasi pekerjaan tersebut berbanding wanita. Walau bagaimanapun, golongan wanita telah banyak menceburi pekerjaan ini pada masa kini. Ini menyebabkan wanita cuba untuk bersaing dengan golongan lelaki terutamanya dalam pekerjaan yang melibatkan keusahawanan. Berdasarkan Willie et. al. (2009), hasil kajian yang didapati oleh mereka daripada pelajar sarjana Nigeria mendapati bahawa pendidikan khusus dan praktikal yang akan membuatkan seseorang pelajar itu untuk terlibat dalam pekerjaan ini. Melalui pendidikan yang diberikan, mereka dapat membentuk satu identiti diri yang baharu serta memotivasikan diri mereka ke arah keusahawanan.

Berdasarkan kepada kajian lepas, ramai pelajar

bekerja dengan pihak majikan kerana mereka tidak ingin melibatkan diri untuk menghadapi keadaan yang berisiko tinggi. Walaupun mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mereka lebih cenderung untuk mengelakkan diri mereka daripada menceburi bidang tersebut. Bukan itu sahaja, melalui pekerjaan sendiri ini juga, mereka dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan buat orang lain yang dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran dalam negara terutamanya buat graduan yang telah menamatkan pengajian dan masih mencari peluang pekerjaan. Kajian ini penting untuk dilakukan bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap budaya bekerja sendiri terutamanya apabila mereka telah menamatkan pengajian. Kajian ini tidak banyak dilakukan di Malaysia yang berkemungkinan disebabkan oleh pelajar lebih memilih untuk bekerja dengan majikan atau kerajaan. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengetahui punca yang menyebabkan pelajar untuk menceburi bidang pekerjaan yang bekerja sendiri.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul maklumat dan data daripada pelajar UKM di Kampus Bangi. Jumlah soal selidik yang diagihkan adalah sebanyak 150 naskah. Secara keseluruhannya, seramai 150 responden telah menyertai kajian ini. Kajian soal selidik ini mempunyai tiga bahagian. Bahagian A berkaitan dengan pengetahuan pelajar terhadap budaya bekerja sendiri. Bahagian B berkaitan punca pelajar untuk bekerja sendiri. Bahagian C pula berkaitan dengan kesan budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar. Akhir sekali, bahagian D adalah bahagian demografi, di mana soalnya termasuk jantina, umur, keturunan, pendapatan bulanan, pekerjaan yang dilakukan jika bekerja sendiri, status, tahap pendidikan dan fakulti pengajian.

Pada bahagian A, B dan C, responden perlu menjawab dengan berpandukan skala likert lima mata. Setiap soalan dijawab dengan menandakan satu daripada lima skala likert tersebut iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Skala "Sangat Tidak Setuju" membawa maksud responden amat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Skala "Tidak Setuju" bermaksud responden beranggapan pernyataan tersebut tidak benar. Skala "Tidak Pasti" bermaksud responden tidak dapat menentukan dengan jelas pernyataan tersebut. Skala "Setuju" bermaksud responden beranggapan pernyataan tersebut adalah benar. Manakala, bagi skala "Sangat Setuju" bermaksud responden amat yakin dengan kebenaran pernyataan

tersebut.

Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Data akan mula dianalisis dengan analisis deskriptif statistik yang menghasilkan data untuk kekerapan dan peratusan. Kemudian, min dan sisihan piawai dikira untuk mengetahui hasil data yang diperolehi daripada responden yang menjawab soal selidik.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada keseluruhan hasil kajian, seramai 150 responden yang telah mengisi borang soal selidik adalah terdiri daripada golongan perempuan dan lelaki yang merupakan pelajar daripada pelbagai fakulti yang terdapat di kampus Bangi. Seramai 99 orang iaitu bersamaan 66% adalah perempuan. Manakala, 51 orang merupakan responden lelaki iaitu bersamaan 34%. Majoriti responden yang menjawab soal selidik adalah mereka yang berumur 21 hingga 25 tahun dengan peratus sebanyak 77.3% dan diikuti oleh mereka yang berumur 26 hingga 30 tahun dengan peratusan sebanyak 16%. Akhir sekali, jumlah umur yang terendah merupakan kumpulan umur 20 tahun ke bawah iaitu seramai 10 orang responden dan mempunyai jumlah peratusan sebanyak 6.7%.

Seterusnya dari skop keturunan, kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini adalah mereka yang berketurunan Melayu iaitu seramai 110 orang (23.3%) dan diikuti oleh keturunan China seramai 25 orang (16.7). Manakala responden yang berketurunan India adalah seramai 10 orang (6.7%). Terdapat juga responden yang mempunyai keturunan yang lain seperti bumiputera Sabah dan Melayu Indonesia iaitu seramai 5 orang (3.3%). Melalui hasil kajian yang diperolehi daripada responden yang menjawab soal selidik, majoriti responden adalah individu yang melakukan pekerjaan sendiri atau bekerja sendiri iaitu sebanyak 81 orang atau 54% berbanding individu yang tidak melakukan atau mempunyai pekerjaan sendiri iaitu 69 orang atau bersamaan dengan 46%. Responden yang bekerja sendiri ini menjalankan pekerjaan seperti pereka grafik, penjual dalam talian atau 'online seller', menjalankan perniagaan dan sebagainya.

Dari segi pendapatan, majoriti responden berpendapatan kurang daripada RM 2000 adalah seramai 95 orang (63.3) diikuti oleh kumpulan yang berpendapatan RM 2001 hingga RM 2500 iaitu seramai 38 orang atau 25.3%. Seterusnya diikuti oleh kumpulan yang berpendapatan RM 2501 hingga RM 3000 iaitu seramai 15 orang (10%). Minoriti responden

JADUAL 2. Demografi Responden

Perkara		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	51	34.0
	Perempuan	99	66.0
Umur	Kurang 20 Tahun	10	6.70
	21 - 25 tahun	116	77.3
	26 - 30 tahun	24	16.0
Keturunan	Melayu	110	73.3
	China	25	16.7
	India	10	6.70
	Lain-lain	5	3.30
Adakah Anda Bekerja Sendiri	Ya	81	54.0
	Tidak	69	46.0
Pendapatan	Kurang RM 2000	95	63.3
	RM 2001 - RM 2500	38	25.3
	RM 2501 - RM 3000	15	10.0
	RM 3001 – RM 3500	2	1.40
Status	Berkahwin	40	26.7
	Bujang	110	73.3
Tahap Pendidikan	Asasi/Matrikulasi	12	8.00
	STPM	25	16.7
	Diploma	10	6.70
	Sarjana Muda	99	66.0
	Lain – lain	4	2.60
Fakulti	Pengajian Islam	9	6.00
	Sains Sosial & Kemanusiaan	8	5.30
	Ekonomi & Pengurusan	61	40.7
	Sains dan Teknologi	29	19.3
	Pendidikan	20	13.3
	Kejuruteraan dan Alam Bina	14	9.40
	Teknologi & Sains Maklumat	7	4.70
Undang – undang	2	1.3	

*Nota: Jumlah sampel adalah n = 150*

adalah mereka yang mempunyai pendapatan RM 3001 hingga RM 3500 iaitu seramai 2 orang atau 1.3%. Manakala bagi status pula berdasarkan 150 responden, kebanyakan responden yang menjawab soal selidik adalah mereka yang berstatus bujang iaitu seramai 110 orang (73.3%) dan diikuti dengan status berkahwin seramai 40 orang (26.7%).

Dari aspek tahap pendidikan, melalui 150 orang responden yang menjawab soal selidik ini majoriti adalah daripada Sarjana Muda seramai 99 orang iaitu sebanyak 66%. Seterusnya, daripada STPM iaitu seramai 25 orang atau mempunyai peratusan 16.7% diikuti oleh mereka yang mempunyai asasi atau

matrikulasi seramai 12 orang atau 8%. Responden yang mempunyai diploma adalah seramai 10 orang atau 6.7%. Akhir sekali, minoriti adalah daripada tahap pendidikan lain – lain seperti Ijazah Sarjana (MASTER) atau Sarjana (PHD) iaitu seramai 4 orang atau mempunyai peratusan 2.7%.

Majoriti responden yang menjawab soal selidik bagi kajian ini adalah responden atau pelajar yang menuntut di fakulti ekonomi dan pengurusan iaitu seramai 61 orang atau 40.7% diikuti oleh fakulti sains dan teknologi iaitu seramai 29 orang atau 19.3%. Terdapat juga responden yang menuntut di fakulti pendidikan iaitu seramai 20 orang atau 13.3% serta di fakulti

kejuruteraan dan alam bina iaitu 14 orang atau 9.3%. Bukan itu sahaja, responden yang menjawab soal selidik juga turut menuntut di fakulti pengajian Islam adalah sebanyak 9 orang atau 6% diikuti oleh responden yang menuntut di fakulti sains sosial dan kemanusiaan adalah seramai 8 orang atau 5.3% dan bagi fakulti teknologi dan sains maklumat seramai 7 orang atau 4.7%. Minoriti responden yang menjawab soal selidik adalah pelajar yang menuntut di fakulti undang – undang iaitu 2 orang atau 1.3%. Hasil kajian yang diterima daripada responden yang menjawab soalan berkaitan pengetahuan terhadap budaya bekerja sendiri mendapati bahawa mereka bersetuju dan tahu bahawa ramai pelajar yang telah menamatkan pengajian atau graduan lebih memilih untuk bekerja sendiri berbanding makan gaji. Pernyataan ini mempunyai min 3.667 dan sisihan piawai 1.041. Dalam kajian yang dilakukan oleh Claire Toogood (2017) mendapati bahawa para graduan yang telah menamatkan pengajian atau yang masih menuntut lebih banyak memilih untuk melibatkan diri dalam

pekerjaan yang bekerja sendiri kerana bagi mereka ia lebih mudah serta tidak perlu mempunyai sebarang peraturan daripada pelbagai pihak. Berdasarkan kepada pernyataan bekerja sendiri dapat menjadikan seseorang lebih berjaya berbanding makan gaji mempunyai min 3.913 dan sisihan piawainya adalah 0.777. Pernyataan ini turut disokong oleh Othman et. al (2009) yang menyatakan walaupun individu itu akan menghadapi masalah pada permulaan kerjayanya, lama-kelamaan mereka akan menjadi lebih berjaya berbanding dengan individu yang bekerja dengan orang kerana mereka lebih mempunyai pelbagai pengalaman serta mengetahui keadaan atau faktor yang akan menjadikan diri mereka untuk lebih berjaya dalam pekerjaan yang diusahakannya terutamanya buat mereka yang melakukan perniagaan.

Pernyataan berkaitan individu yang bekerja sendiri ini majoritinya adalah mereka yang lebih terdedah kepada risiko mempunyai min 4.080 dan sisihan piawai 0.980. Menurut Nadia dan Moreira

JADUAL 3. Pengetahuan pelajar terhadap budaya bekerja sendiri

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya tahu bahawa ramai pelajar yang telah menamatkan pengajian atau graduan lebih memilih untuk bekerja sendiri berbanding makan gaji.	3.667	1.041
2.	Bekerja sendiri dapat menjadikan seseorang lebih berjaya berbanding makan gaji.	3.913	0.777
3.	Individu yang bekerja sendiri majoritinya adalah mereka yang lebih terdedah kepada risiko.	4.080	0.980
4.	Sebahagian daripada pelajar menjadikan hobi mereka sebagai punca pendapatan dan kerjaya untuk bekerja sendiri.	3.960	0.793
5.	Individu yang bekerja sendiri adalah mereka yang memulakan sesuatu pekerjaan itu tanpa pertolongan daripada orang lain.	3.380	1.139
6.	Budaya untuk bekerja sendiri ini selalunya didorong oleh orang sekeliling.	3.880	1.105
7.	Untuk bekerja sendiri, seseorang itu tidak memerlukan pengalaman yang begitu mendalam untuk melakukan pekerjaan yang diingini.	3.860	1.093
8.	Mereka yang bekerja sendiri ini boleh memilih untuk melakukan pekerjaan tersebut di rumah atau membeli premis perniagaan.	4.047	0.985

*Nota: Setiap item mewakili jawapan daripada responden iaitu n = 150*

(2013), dalam kajian mereka membuktikan bahawa pelajar yang bekerja sendiri ini selalunya sukar untuk mendapatkan bantuan dari segi kewangan untuk memulakan pekerjaan tersebut dan menyebabkan mereka lebih terdedah kepada risiko untuk gagal dalam pekerjaan yang dilakukan. Pernyataan yang seterusnya adalah responden sangat bersetuju terhadap pernyataan di mana sebahagian daripada pelajar akan menjadikan hobi mereka sebagai punca pendapatan dan kerjaya untuk memulakan pekerjaan sendiri. Min bagi pernyataan ini adalah 3.960 dan sisihan piawai adalah 0.793. Pernyataan ini turut disokong oleh Dolton dan Makepeace (1986) dalam kajian yang dilakukannya bahawa pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi cuba untuk menjadikan hobi sebagai pendapatan utama mereka apabila telah menamatkan pengajian sementara menunggu pekerjaan yang lebih bersesuaian dengan diri mereka.

Bukan itu sahaja, berdasarkan pernyataan bagi individu yang bekerja sendiri ini akan melakukan sesuatu pekerjaan itu tanpa pertolongan daripada orang lain. Min bagi pernyataan ini adalah 3.880 dan mempunyai sisihan piawai 1.139. Bagi Eriniwati Aliza (2014), ada membuktikan bahawa individu yang bekerja sendiri ini akan memulakan pekerjaan tersebut tanpa pertolongan atau bantuan daripada orang sekeliling kerana mereka tidak ingin menjadi beban kepada orang sekeliling. Bagi mereka biarlah kesusahan yang dihadapinya itu hanya ditanggung oleh diri mereka sahaja. Pernyataan budaya untuk bekerja sendiri ini selalunya didorong oleh orang sekeliling mempunyai min 3.880 dan sisihan piawai 1.105. Pernyataan ini disokong oleh Zaifurin, Hayati, Sabri et.al (2016) dalam kajian yang dilakukannya ada membuktikan bahawa terdapat pelbagai faktor yang membuatkan seseorang itu cenderung untuk terlibat dalam budaya bekerja sendiri seperti latar belakang keluarga yang mempunyai perniagaan atau terlibat dalam dunia keusahawanan.

Seterusnya, pernyataan di mana seseorang itu tidak memerlukan pengalaman yang begitu mendalam untuk melakukan pekerjaan yang diingini mempunyai min 3.860 dan sisihan piawai 1.093. Berdasarkan kepada Nigel Meager (2016) dalam hasil kajiannya mendapati walaupun seseorang ingin melibatkan diri dalam pekerjaan sendiri, mereka tidak memerlukan sebarang pengalaman tetapi memerlukan kemahiran yang khusus dalam pekerjaan yang ingin dilakukan olehnya supaya tidak mengalami kegagalan. Pernyataan terakhir yang berkaitan dengan pengetahuan pelajar terhadap budaya bekerja sendiri ialah mereka atau individu yang bekerja sendiri ini berhak memilih untuk melakukan pekerjaan tersebut di rumah atau membeli premis perniagaan. Min bagi

pernyataan ini adalah 4.047 dan mempunyai sisihan piawai 0.985. Walaupun, individu yang bekerja sendiri ini mempunyai sumber kewangan yang banyak, tetapi mereka mempunyai pilihan untuk melakukan pekerjaan tersebut di rumah atau membeli premis perniagaan bagi memudahkan urusan mereka sewaktu melakukan kerja.

Berdasarkan jadual 3 di atas, ia berkaitan dengan punca atau penyebab budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar. Pernyataan yang mempunyai min tertinggi iaitu 4.093 dan mempunyai sisihan piawai 0.854 adalah pernyataan bagi bebas untuk membuat sesuatu keputusan. Pernyataan ini disokong oleh Mumtaz dan Faridi (2010) melalui hasil daripada kajian yang dilakukan olehnya berpendapat bahawa graduan lebih suka untuk tidak bergantung kepada orang lain dalam membuat keputusan yang akan dilalui dalam hidupnya terutamanya yang akan melibatkan masa depan mereka. Manakala min yang mempunyai nilai terendah iaitu 3.507 dan sisihan piawai 1.350 adalah bagi pernyataan ingin memenuhi permintaan diri. Walaupun banyak responden yang tidak pasti terhadap pernyataan tersebut, berkemungkinan bagi mereka terdapat perkara lain yang perlu diselesaikan seperti hutang pinjaman ketika waktu belajar berbanding perkara yang tidak memberikan faedah kepada diri mereka seperti kemahuan dalam barang yang berjenama.

Seterusnya, punca yang menyebabkan pelajar memilih untuk bekerja sendiri ialah persaingan daripada rakan yang lain untuk mendapatkan pekerjaan mempunyai min 4.020 dan sisihan piawai 0.945. Perkara ini disokong oleh Vassilis dan Kerstin (2015) yang membuktikan dalam kajiannya bahawa graduan perlu bersaing bergantung pada kriteria yang diinginkan oleh majikan untuk mendapatkan pekerjaan kerana terlampau ramai graduan yang bergraduasi pada suatu masa yang akan memasuki pasaran kerja menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Pernyataan yang seterusnya adalah berkaitan dengan gaji yang ditawarkan oleh majikan tidak setanding dengan kelulusan yang mereka ada. Min bagi item gaji yang ditawarkan tidak setanding dengan bidang kelulusan ialah 3.953 dan mempunyai sisihan piawai 1.070. Berdasarkan kepada Simon, Yacine et. al (2005), ramai majikan yang memberikan gaji kepada pekerjaanya tidak bersesuaian dengan kelulusan yang mereka ada sehingga menimbulkan kegelisahan kepada diri mereka yang menyebabkan mereka lebih memilih untuk melakukan pekerjaan sendiri berbanding bekerja di bawah orang lain.

Pernyataan bagi minat untuk memulakan perniagaan atau jenama sendiri adalah punca yang menyebabkan pelajar ingin bekerja sendiri. Min bagi pernyataan ini adalah 4.080 dan mempunyai sisihan



JADUAL 4. Punca budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Tidak suka menerima arahan.	4.033	0.908
2.	Tidak memerlukan sebarang kemahiran yang khusus.	3.573	1.137
3.	Sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang kelulusan.	3.833	1.096
4.	Ingin memenuhi permintaan diri.	3.507	1.350
5.	Berminat untuk memulakan perniagaan atau jenama sendiri.	4.080	0.848
6.	Lebih mudah untuk berjaya.	3.893	1.018
7.	Bebas untuk membuat sesuatu keputusan.	4.093	0.854
8.	Mencabar kemampuan diri.	3.820	1.169
9.	Gaji yang ditawarkan tidak setanding dengan kelulusan.	3.953	1.070
10.	Persaingan daripada rakan yang lain untuk mendapatkan pekerjaan.	4.020	0.945
11.	Kurang berminat terhadap kerja berpasukan.	3.653	1.129
12.	Ingin merasai pengalaman yang tersendiri dalam kerja yang dilakukan.	3.820	1.069

*Nota: Setiap item mewakili jawapan daripada responden iaitu n = 150*

piawai 0.848. Bagi Zaini Zainudin (2015) dalam hasil kajian yang dilakukan membuktikan bahawa graduan atau pelajar lebih berminat untuk menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan dengan mempunyai barangan yang direka oleh mereka sendiri. Bukan itu sahaja, pelajar juga kurang berminat terhadap kerja berpasukan serta ingin mencabar kemampuan diri mereka dalam melakukan sesuatu tugas. Min bagi pernyataan kurang berminat terhadap kerja berpasukan adalah 3.653 dan sisihan piawai adalah 1.129. Manakala min bagi pernyataan ingin mencabar kemampuan diri ialah 3.820 dan mempunyai sisihan piawai 1.169. Perkara ini disokong oleh Aschalew (2016) yang membuktikan bahawa golongan muda lebih suka untuk mempunyai haluan yang tersendiri tanpa melibatkan orang lain serta lebih berminat untuk mencabar kemampuan diri mereka dalam membuat sesuatu pekerjaan atau tugas walaupun mempunyai kemungkinan untuk gagal dalam tugas yang dilakukan.

Punca lain yang menjadikan pelajar untuk bekerja sendiri adalah ingin merasai pengalaman yang tersendiri dalam kerja yang dilakukan mempunyai min 3.820 dan sisihan piawai 1.069. Jika mereka bekerja

dengan majikan, mereka tidak mempunyai peluang untuk menghadapi kegagalan yang akan menjadikan diri mereka untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam kerja yang dilakukan. Melalui pendekatan ini, mereka dapat mengetahui kemampuan atau kebolehan serta kelemahan yang ada pada diri mereka apabila membuat pekerjaan sendiri. Bagi pernyataan tidak memerlukan sebarang kemahiran yang khusus mempunyai min 3.573 dan sisihan piawai 1.137. Ramai responden yang bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Menurut Christopher, Andrew dan Paul (2009), individu yang bekerja sendiri ini tidak memerlukan kemahiran yang terlampau banyak seperti komunikasi untuk melakukan kerja tetapi jika mereka mempunyai banyak kemahiran ia adalah bonus buat diri mereka untuk terlibat dalam pekerjaan tersebut. Pernyataan yang lain adalah lebih mudah untuk berjaya. Min bagi pernyataan tersebut adalah 3.893 dan mempunyai sisihan piawai 1.018. Perkara ini disokong oleh Dell Mc Stay (2008) dalam kajiannya yang menyimpulkan bahawa individu yang bekerja sendiri ini mungkin akan terdedah kepada risiko yang besar tetapi ia akan memberikan keuntungan yang banyak serta menjadikan mereka lebih berjaya

melalui penglibatan dalam bidang keusahawanan.

Jadual 4 berkaitan dengan kesan budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar. Min yang mempunyai nilai tertinggi iaitu 4.247 adalah bagi pernyataan menjadi seseorang yang bercita-cita tinggi dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi serta mempunyai sisihan piawai 1.016. Perkara ini turut disokong oleh Abraham Abebe (2015) dalam kajiannya yang membuktikan individu yang bekerja sendiri lebih terdedah untuk mempunyai halusinasi yang tinggi dalam menyelesaikan sesuatu masalah itu walaupun ia akan memberikan kesan yang mendalam terhadap diri mereka. Pernyataan yang membuatkan responden sangat bersetuju terhadap kesan budaya bekerja sendiri adalah bagi pernyataan dapat menyelesaikan segala hutang yang ditanggung. Pernyataan ini mempunyai min 4.260 dan sisihan piawai 0.806. Ramai pelajar yang memilih untuk bekerja sendiri ini seperti menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan kerana ia akan memberikan keuntungan yang lumayan buat diri mereka serta dapat menyelesaikan segala masalah kewangan yang dihadapinya.

Pernyataan yang seterusnya ialah mudah untuk menghadapi risiko yang mempunyai nilai min 4.187 dan sisihan piawai 0.536. Perkara ini disokong Alexander dan Jose (2018) dalam kajian mereka

bahawa individu yang menceburi bidang keusahawanan akan lebih terdedah untuk menghadapi risiko kerana pada permulaannya berkemungkinan akan mengalami kegagalan yang disebabkan oleh tiadanya keyakinan dalam menguruskan kewangan yang diterima oleh mereka. Bukan itu sahaja, kesan budaya bekerja sendiri ini juga akan membolehkan individu untuk tidak tertumpu pada satu kemahiran sahaja yang mempunyai nilai min 3.247 dan sisihan piawai 1.330. Bagi Dalton dan Makepeace (1990), individu yang bekerja sendiri ini akan memerlukan pelbagai kemahiran seperti komunikasi untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan pelanggan serta mengetahui apa yang diinginkan oleh pelanggan untuk memuaskan kemahuan mereka.

Kesan yang seterusnya adalah bagi pernyataan mempunyai masa kerja yang fleksibel serta tidak menghadapi tekanan kerja yang melampau. Ramai responden yang bersetuju terhadap kedua-dua pernyataan ini. Bagi pernyataan yang mempunyai masa kerja yang fleksibel nilai min yang diperolehi ialah 3.553 dan sisihan piawai 0.945. Manakala bagi pernyataan tidak menghadapi tekanan kerja yang melampau mempunyai nilai min 3.607 dan nilai sisihan piawai 1.042. Ramai pelajar yang tidak suka untuk mempunyai masa kerja yang menentu kerana bagi mereka banyak perkara lain yang boleh dilakukan berbanding bekerja

JADUAL 5. Kesan budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Tidak menghadapi tekanan kerja yang melampau.	3.607	1.042
2.	Masa kerja yang fleksibel.	3.553	0.945
3.	Pendapatan yang menguntungkan.	4.173	0.981
4.	Mudah untuk menghadapi risiko.	4.187	0.536
5.	Lebih berkeyakinan untuk berjumpa orang ramai.	3.220	1.192
6.	Memberi kepuasan terhadap diri sendiri.	3.913	1.093
7.	Mudah untuk berinteraksi dengan pelanggan.	2.807	1.389
8.	Dapat menyelesaikan segala hutang yang ditanggung.	4.260	0.806
9.	Mampu untuk berdikari.	4.013	0.851
10.	Tidak tertumpu pada satu kemahiran sahaja.	3.247	1.330
11.	Menjadi seorang yang bercita-cita tinggi dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.	4.247	1.016
12.	Mahir dalam menguruskan kewangan yang diterima.	4.053	0.826

*Nota: Setiap item mewakili jawapan daripada responden iaitu n = 150*

dengan majikan yang mempunyai waktu tertentu untuk melaksanakan kerja serta mempunyai bebanan kerja yang sangat banyak pada suatu masa.

Pernyataan yang lain terhadap kesan budaya bekerja sendiri dalam kalangan pelajar ialah memberi kepuasan terhadap diri sendiri yang mempunyai nilai min 3.913 dan nilai sisihan piawai 1.093. Menurut Muhammad Israr dan Mazhar Saleem (2018), individu yang sering melibatkan diri dalam pekerjaan sendiri ini kerana ingin memberikan kepuasan kepada diri mereka dari segi kewangan. Pernyataan yang terakhir bagi kesan ialah mampu untuk berdikari yang mempunyai nilai min 4.013 dan nilai sisihan piawai 0.851. Bagi Peter dan Jolando et. al (2016), individu yang melakukan pekerjaan sendiri ini lebih berdikari dalam melaksanakan kerja mereka kerana tidak mempunyai orang sekeliling untuk membantu dan segala cabaran yang dihadapinya akan dilalui olehnya sendiri. Melalui hasil kajian yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan terhadap perspektif pelajar terhadap budaya bekerja sendiri, ramai pelajar berpendapat bahawa bekerja sendiri ini lebih baik daripada bekerja dengan majikan.

#### KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui perspektif pelajar terhadap budaya bekerja sendiri. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa pelajar lebih terdedah untuk bekerja sendiri disebabkan oleh orang sekeliling atau pandangan daripada ahli keluarga yang menginginkan pelajar untuk mempunyai pekerjaan sendiri berbanding bekerja dengan majikan. Walaupun pada permulaannya, bekerja sendiri ini agak sukar untuk dilakukan tetapi jika mereka diberi peluang untuk menceburi bidang pekerjaan yang bekerja sendiri ini mereka akan cuba untuk memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap pekerjaan yang dilakukan. Ramai pelajar yang ingin menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan kerana bagi mereka bidang ini dapat mengubah hala tuju hidup mereka supaya mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Bukan itu sahaja, ramai graduan yang telah menamatkan pengajian tidak mempunyai pekerjaan dan akan berlakunya masalah pengangguran yang terlampau tinggi dalam negara. Justeru itu, pihak universiti perlu menyediakan kursus yang berkaitan dengan keusahawanan serta kemahiran untuk mengendalikan sesebuah perniagaan supaya pelajar dapat menceburi bidang itu. Walaupun telah banyak program yang dijalankan oleh kerajaan atau pihak universiti yang berkaitan dengan pekerjaan ini terutamanya dalam bidang keusahawanan atau

perniagaan, pelajar terlalu takut untuk menghadapi risiko apabila melakukan pekerjaan tersebut kerana risiko yang bakal dihadapi oleh mereka sangat tinggi. Melalui kursus atau pendekatan yang diberikan melalui program keusahawanan, pelajar dapat menambah keyakinan dalam diri mereka untuk menceburi bidang pekerjaan tersebut serta dapat mencabar kemampuan diri mereka supaya setanding dengan pelajar yang lain.

#### RUJUKAN

- Abraham Abebe, 2015. Attitudes of Undergraduates Students towards self-employment in Ethiopian public universities. *International journal of business and management review*.
- Alexander Tabares and Jose Alejandro Cano, 2018. University Students Succession Intention: Guess Colombia Study Evidence.
- Allen, E.I., Langowitz, N., and M. Minniti, 2006. Report on Women and Entrepreneurship, the Global Entrepreneurship Monitor (GEM) Project. Babson College & London Business School, UK.
- Aschalew Mulugeta Atnafu, 2016. Analysis on Determinants of Students self-employment Intension in Newly Established Universities of Ethiopia: The Case of Dire Dawa University.
- Autio, E., Keeley, R.H., Klofsten, M., Parker, G.G.C., and M. Hay, 2001. Entrepreneurial intent among students in Scandinavia and in the USA. *Enterprise & Innovation Management Studies* 2: 145-161.
- Blanch flower, D. G., Oswald and A. Stutzer, 2001. Latent entrepreneurship across nations. *European Economic Review* 45: 680-691.
- Blumberg B.F. and G.A. Pfann, 2001. Social Capital and the Uncertainty Reduction of Self-Employment. IZA Discussion Paper No. 303.
- Borjas, G.J., Bronars, S., 1989. Consumer discrimination and self-employment. *Journal of Political Economy* 97: 581-605.
- Christopher Dawson, Andrew Henley and Paul Latreille, 2009. Why do individuals choose self-employment.
- Claire Toogood, 2017. Factors influencing the choice of self-employment or starting a business as an initial graduate destination.
- Dasuki Ahmad. 2009. Memantapkan budaya keusahawanan di kalangan generasi baru melalui sistem pendidikan nasional dan pengajian agama: gagasan dan cabaran merealisasikan. Kertas kerja dibentangkan di Kongres Ekonomi Islam Ketiga di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Dell Mc Stay, 2008. An Investigation of Undergraduate Students self-employment intention and the impact of entrepreneurship education and previous entrepreneurial experience.
- Dolton P.J. and G.H. Makepeace, 1990. Self-employment among graduates. *Bulletin of Economic Research*.
- Dolton. P. J. and G.H. Makepeace, 1986. Sample

- Selection and the Male-Female Earnings Differential in the Graduate Labour Market. *Oxford Economic Papers* 3: 17-41.
- Eriniwati Aliza, 2014. Faktor yang mendorong kecenderungan pelajar kolej vokasional ke arah bidang keusahawanan.
- Evans, D. S., and L. S. Leighton, 1989. Some empirical aspects of entrepreneurship. *American Economic Review* 79: 519-535.
- Fairlie, R. W., and B. D. Meyer, 2000. Trends in self-employment among white and black men during the twentieth century. *Journal of Human Resources* 35: 643-669.
- Fatoki, O. and Chindoga, L., 2011. An investigation into the youth entrepreneurship in South Africa. *Journal International Business Research* 4: 161-169.
- Fields G. S., 2013. Self-employment in the developing world.
- Georgellis Y and Wall H, 2005. Gender Differences in Self-Employment. *International Review of Applied Economics* 19: 321-342
- International Labour Office (ILO), 1990. The Promotion of Self-Employment, Report VII, International Labour Conference, 77th Session, Geneva.
- Kolvereid and Moen, 1997. Entrepreneurship Among Business Graduates: Does a Major in Entrepreneurship Make a Difference. *Journal of European Industrial Training* 21: 154-160
- Lazear, E., 2005. Entrepreneurship. *Journal of Labour Economics* 23: 649-680.
- Muhammad Israr and Mazhar Saleem, 2018. Entrepreneurial intentions among university students in Italy. *Journal of Global Entrepreneurship Research*.
- Mumtaz and Faridi, 2010. The determinants of self-employment in Pakistan: Evidence from primary data analysis.
- Nadia and Moreira, 2013. Individual determinants of self-employment entry – What do we really know.
- Nigel Meager, 2016. Foreword: JMP special issue on self-employment or freelancing. *Journal of Management of Organization*.
- Norasmah Othman and Salmah Ishak, 2009. Attitude towards choosing a career in entrepreneurship amongst graduates. *Journal European of Social Sciences* 3: 419-434.
- Norisham Abdul Rahim, 2008. Kecenderungan pelajar-pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan. Kertas projek Sarjana muda Ukur Bahan (Kejuruteraan Jentera), Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun, 2010. Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35: 11-17.
- Othman, N.H. and Ishak, S., 2009. Attitude towards choosing a career in entrepreneurship amongst graduates. *European Journal of Social Sciences* 10: 419-434.
- Peter van der Zwan, Jolanda Hessels, and Cornelius A. Rietveld, 2016. Self-employment and satisfaction with life, work, and leisure. *Journal of Economic and psychology*.
- Scott, M.G. and Twomey, D. F., 1988. The long term supply of entrepreneurs: Students career aspirations in relation to entrepreneurship. *Journal of Small Business Management* 26: 5-13.
- Shapero, A., and L. Sokol, 1982. The social dimensions of entrepreneurship. *Encyclopedia of Entrepreneurship*. In C. A. Kent, D. L. Sexton and K. H. Vesper (eds.), Englewood Cliffs (pp: 72-90).
- Simon C. Parker, Yacine Belghitar and Tim Barmby, 2005. Wage uncertainty and the labour supply of self-employed workers. *The Economic Journal*.
- Siti Hawa Mohamed Idris, 2009. Kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Projek Sarjana (Sains Pengurusan). Universiti Utara Malaysia.)
- Tatomir S., 2015. Self-employment: What can we learn from recent developments? *Bank of England Quarterly Bulletin* 3: 56-66.
- Turker, D. Selcuk, and S.S., 2009. Which Factors Affect Entrepreneurial Intention of University Students? *Journal of European Industrial Training* 33: 142-159.
- Unit Perancang Ekonomi, 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Vassilis Kostoglou and Kerstin V. Siakas, 2015. Graduates' Entrepreneurship: Investigating self-employment of University Graduates.
- Wan Zaifurin, Nor Hayati, Sabri Ahmad et. al, 2016. Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Wang, W. L., Wei, M., and K. John, 2011. Determinants of Entrepreneurial Intention among College Students in China and USA. *Journal of Global Entrepreneurial Research* 1: 35-44.
- Willie, O., Olalekan A., Abiodun, A., Abolaji, D., Maruf, S., and Muhammed, 2009. Determinants of Entrepreneurial Propensity of Nigerian Undergraduates: An Empirical Assessment: Munich Personal RePEc Archive: Inderscience Publishers, National Centre for Technology Management, MPRA Paper No. 35797.
- World Employment Social Outlook, 2018. Trends on self-employed by universities students.
- Zaini Zainudin, 2015. Kecenderungan ke arah meningkatkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar politeknik Banting Selangor.

Nurul Aida Mainor & Lai Wei Sieng\*  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: laiws@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Julai 2020

Diterima: 7 Julai 2020